

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 6 TAHUN 1990

DASAR PINDAHMILIK TANAH KEPUNYAAN AGENSI KERAJAAN SEPERTI PKINK, YAKIN DAN KESEDAR KEPADA SYARIKAT, BADAN DAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN BUKAN MELAYU

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 18.4.1990 semasa menimbang Kerats Bil 8/247/90(8) telah mengkaji semula dasar pindahmilik tanah-tanah kepunyaan Agensi Kerajaan seperti PKINK, YAKIN dan KESEDAR kepada syarikat, badan atau orang perseorangan Bukan Melayu.

2. Mengikut keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 9.3.1988 semasa menimbang Kertas Bil. 5/135/88(3) mengenai dasar pindahmilik tanah-tanah kepada orang-orang Bukan Melayu Kerajaan telah menetapkan dasar bagaimana ditetapkan di dalam Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 2/88.
3. Mengikut Pekeliling tersebut (para 4.2.1) adapun pindahmilik tanah-tanah di dalam satu-satu projek yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan seperti PKNIK, YAKIN atau KESEDAR atau projek usahasama Kerajaan Negeri/Kerajaan Pusat dengan badan-badan tertentu atau perseorangan adalah terserah kepada pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan tentang kadar kuota penjualannya. Dengan kata lain bagi projek berkenaan Kerajaan belum menetapkan kadar khusus yang boleh dipindahmilik kepada syarikat, badan dan orang perseorangan Bukan Melayu.

4. Perkara dasar pindahmilik tanah yang dipunyai oleh agensi-agensi Kerajaan ini telah dibincang di dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Khas mengkaji dasar tanah negeri pada 21hb. Disember 1989 dan Jawatankuasa telah membuat perakuan bahawa bagi maksud dasar tersebut agensi Kerajaan seperti PKINK, YAKIN dan KESEDAR (sungguhpun adalah sebuah badan Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan) hendaklah diberi takrif yang sama dengan Orang-Orang Melayu di mana tanah pemilikan badan-badan berkenaan sebolehnya dijual 100% kepada Orang-Orang Melayu dan sekiranya tidak ada sambutan dari kalangan Orang Melayu maka bolehlah diangkat untuk pertimbangan YAB. Tan Sri Menteri Besar di mana kuasa telah diperturunkan kepadanya untuk menimbang permohonan pindahmilik tanah-tanah kepunyaan agensi berkenaan kepada Orang-Orang dan Badan Bukan Melayu bagaimana P.U. 15/80 bertarikh 9hb. Oktober 1980 .
5. Perkara ini telah dibincangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 18.4.1990 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan telah membuat keputusan seperti berikut bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh badan berkanun seperti PKINK, YAKIN dan KESEDAR.
 - (a) Bagi tanah kategori perindustrian 50% boleh dijual kepada Orang-Orang Bukan Melayu atau Syarikat kepunyaan Orang-Oang Bukan Melayu.

(b) Bagi tanah-tanah kategori bangunan (sama ada untuk kediaman atau rumah kedai), PKINK, YAKIN dan KESEDAR hendaklah ditakrifkan sebagai Orang-Orang Melayu. Oleh itu tanah-tanah yang dimiliki oleh badan yang tersebut sebolehnya hendaklah dijual 100% kepada Orang-Orang Melayu. Sekiranya tidak ada sambutan dari kalangan Orang-Orang Melayu baharulah permohonan untuk menjual sebahagian daripadanya kepada Orang-Orang Bukan Melayu boleh diangkat untuk pertimbangan YAB. Tan Sri Menteri Besar Kelantan mengikut kuasa yang diperturun kepadanya dengan ketentuan bahawa penjualan kepada Orang-Orang Bukan Melayu itu tidak melebihi 15%

6. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersana dengan Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 2/88.

t.t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU**

BERTARIKH: 5HB. MEI 1990

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengurus Besar PKINK
10. YABrs. Pengarah YAKIN
11. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR.
12. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

FAIL : P.T.G. KN.SULIT 1/2/4 (24)